

**FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PENGUASAAN BACAAN
SURAH AL-FATIHAH DI KALANGAN MAHASISWA ASASI KOLEJ
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SELANGOR**

**Abdul Hadi Awang, Wan Fakhrul Razi Wan Mohamad, Mohd Rasyidi
Ali, Muhammad Faiz Mukmin Abdul Mutalib.**

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

abdulhadi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Surah al-Fatihah merupakan nadi utama al-Quran kerana surah ini wajib dibaca ketika dalam setiap solat. Solat yang tidak disertakan dengan bacaan surah al-Fatihah yang betul boleh merosakkan solat itu sendiri. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis faktor yang mempengaruhi kebolehan bacaan surah al-Fatihah di kalangan mahasiswa asasi di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dengan kaedah soal selidik. Kajian awal mendapati bahawa faktor diri sendiri merupakan faktor utama dalam penguasaan bacaan surah al-Fatihah. Dapatan kajian ini boleh digunakan dalam memilih kaedah paling baik untuk mengajar membaca surah al-Fatihah dan al-Quran secara umum.

Kata kunci: *surah al-Fatihah, faktor penguasaan bacaan, mahasiswa asasi.*

PENGENALAN

Surah al-Fatihah merupakan surah yang sangat penting dalam kehidupan seorang muslim kerana ia menentukan kesahihan solat seseorang. Membaca Surah al-Fatihah di dalam solat adalah rukun solat bagi setiap rakaat sama ada solat sunat ataupun fardu. Dalam kata lain, tidak dikira solat seseorang itu sekiranya dia tidak membaca Surah al-Fatihah. Nabi SAW telah bersabda:

لَا صَلَاةَ لِمَنْ لَمْ يَقْرَأْ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ

“Tiada solat bagi siapa yang tidak membaca al-Fatihah”.

(Hadith Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Selain sebagai tunjang kepada solat, surah al-Fatihah juga merupakan surah yang mempunyai keistimewaannya yang tersendiri. Surah al-Fatihah adalah terapi meditasi terbaik dalam menangani masalah kaunseling terutama remaja masa kini berbanding penggunaan melodi muzik semata-mata (Norizan Yusof et.al, 2016). Mohd Zaki (2016) menyatakan di dalamnya terkandung beberapa prinsip penting tentang nilai tauhid yang menyentuh tentang konsep dan dasar akidah Islam yang sebenar. Surah al-Fatihah juga diangkat sebagai nadi kepada al-Quran yang mempunyai prinsip-prinsip dan nilai-nilai yang mampu menyediakan sistem terbaik dalam pentadbiran dan pengurusan yang dikehendaki oleh Islam (Abdul Hakim Abdullah et.al, 2016)

Menurut Farah Ihyani Zakaria (2011) dalam kajiannya mendapati bahawa 96.2 peratus responden belajar membaca al-Quran daripada ibu bapa atau penjaga manakala hanya 3.8 peratus sahaja yang belajar membaca al-Quran selain ibu bapa atau penjaga. Pembelajaran ketika usia kanak-kanak di rumah adalah lebih berkesan mungkin disebabkan faktor kecerdasan otak berbanding belajar ketika usia dewasa.

Kajian faktor ini penting untuk melihat apakah elemen utama yang menyumbang kepada kebolehan para pelajar membaca surah al-Fatihah dengan baik di samping untuk melihat faktor-faktor lain yang mungkin memberi kesan kepada pembacaan mereka. Dalam masa yang sama, adakah para pelajar ini masih bersedia dan terbuka untuk memperbaiki bacaan mereka walaupun mereka telah mempelajarinya suatu masa dahulu jika berpeluang.

2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini bertujuan untuk melihat faktor-faktor yang mempengaruhi bacaan surah al-Fatihah dikalangan pelajar Pusat Asasi. Kajian faktor ini sangat penting bagi menilai kaedah terbaik dalam proses pembelajaran terutama dalam pembelajaran pengajian al-Quran.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kertas kerja ini membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi bacaan surah al-Fatihah di kalangan pelajar Pusat Asasi KUIS dengan menggunakan kaedah soal selidik. Persampelan diambil secara rawak tetapi jumlah sampel adalah sama banyak mengikut bidang pengajian bagi mendapatkan data yang seimbang dalam kajian ini.


4.0 ANALISIS KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Pusat Asasi menawarkan lima program asas pada tahun 2016/2017. Program-program tersebut ialah program asas Pengajian Islam, Pengurusan, Bahasa Arab, Komunikasi dan Teknologi Maklumat. Rajah di bawah menunjukkan taburan responden kajian.

Jadual 1: Taburan Kekerapan Responden Berdasarkan Program

	Kekerapan	Peratus (%)
Pengajian Islam	40	20.0
Pengurusan	40	20.0
Bahasa Arab	40	20.0
Komunikasi	40	20.0
Teknologi Maklumat	40	20.0
Jumlah	200	100

Rajah 1: Taburan Kekerapan Respondan Berdasarkan Program



Merujuk kepada Jadual 1, sampel kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 200 orang di mana sebanyak 20 peratus responden diambil daripada setiap program yang mewakili 40 orang bagi setiap program. Pemilihan responden yang sama rata ini adalah bagi mendapatkan data yang seimbang dalam kajian ini.

Analisis purata bagi setiap bahagian dijalankan untuk mendapatkan purata keseluruhan bagi setiap bidang dan purata keseluruhan responden (n=200). Perwakilan bagi setiap bidang adalah seperti di bawah:

Perwakilan	Bidang
1	Bidang Pengajian Islam
2	Bidang Bahasa Arab
3	Bidang Pengurusan
4	Bidang Komunikasi
5	Bidang Teknologi Maklumat

Faktor Yang Mempengaruhi Bacaan Surah Al-Fatihah

Analisis purata bagi setiap item bagi bahagian ini dijalankan untuk mendapatkan purata tahap purata bagi faktor yang mempengaruhi bacaan surah al-Fatihah.

Jadual 2: Nilai Purata (Min) bagi Faktor Yang Mempengaruhi Bacaan Surah Al-Fatihah Mengikut Bidang.

Bil	Item Pemboleh Ubah	Purata Keseluruhan				
		1	2	3	4	5
1.	Saya menguasai bacaan surah al-Fatihah sejak berumur tujuh tahun.	4.50	4.15	4.18	3.90	4.43
2.	Saya mula mempelajari bacaan surah al-Fatihah dengan cara mendengar.	4.50	4.43	4.53	4.33	4.45
3.	Saya mula mempelajari bacaan surah al-Fatihah dengan ibubapa di rumah.	4.68	4.68	4.30	4.43	4.55
4.	Saya mula mempelajari bacaan surah al-Fatihah dengan guru di sekolah.	3.95	3.98	4.00	4.00	4.20
5.	Saya mula mempelajari bacaan surah al-Fatihah bertujuan untuk menunaikan solat.	4.05	4.00	4.35	4.28	4.15
6.	Saya pernah menghadiri program pemantapan bacaan al-Fatihah.	3.55	3.70	3.38	3.48	3.70
7.	Saya masih berminat untuk memperbaiki bacaan al-Fatihah	4.78	4.70	4.78	4.80	4.48
8.	Saya pernah belajar secara bertalaqqi (bersemuka) dengan guru al-Quran.	4.48	4.40	4.38	4.33	4.03
Purata Keseluruhan		4.31	4.26	4.24	4.19	4.25

Berdasarkan jadual 2, Pengajian Islam mendapat purata keseluruhan 4.31 bagi faktor yang mempengaruhi bacaan surah al-Fatihah diikuti oleh Bahasa Arab dengan 4.26, Teknologi Maklumat dengan 4.25, Pengurusan dengan 4.24 dan Komunikasi dengan 4.19. Hasil purata keseluruhan bagi setiap bidang pada jadual di atas, dapat dilihat purata keseluruhan bagi faktor yang mempengaruhi responden dalam membaca surah al-Fatihah bagi setiap bidang adalah berada di dalam julat 4.00 sehingga 5.00. Oleh hal yang demikian, dapat disimpulkan bahawa kesemua bidang mempunyai tahap pembacaan yang sangat baik berdasarkan faktor yang mempengaruhi bacaan surah al-Fatihah.

Semua bidang pengajian mempunyai tren yang sama dalam faktor yang mempengaruhi bacaan surah al-Fatihah iaitu faktor yang paling berpengaruh terhadap bacaan mereka ialah mula mempelajari bacaan surah al-

Fatihah dengan ibu bapa di rumah kecuali bidang Pengurusan yang mula belajar membaca surah al-Fatihah bertujuan untuk menunaikan solat. Faktor yang paling minima dalam mempengaruhi bacaan surah al-Fatihah pelajar Pusat Asasi KUIS ialah dengan menghadiri bengkel-bengkel pemantapan surah al-Fatihah. Namun, faktor ini masih pada tahap yang baik kerana kesemua bidang pengajian mencatatkan julat antara 3.00 sehingga 4.00.

Jadual juga menunjukkan kesemua bidang pengajian menunjukkan minat yang sangat tinggi untuk memperbaiki bacaan surah al-Fatihah masing-masing apabila mencatatkan julat antara 4.00 sehingga 5.00.

Jadual 3: Nilai Purata (Min) bagi Faktor Yang Mempengaruhi Bacaan Surah Al-Fatihah.

Bil	Item Pemboleh Ubah	Purata Keseluruhan (n=200)
1.	Saya menguasai bacaan surah al-Fatihah sejak berumur tujuh tahun.	4.23
2.	Saya mula mempelajari bacaan surah al-Fatihah dengan cara mendengar.	4.45
3.	Saya mula mempelajari bacaan surah al-Fatihah dengan ibubapa di rumah.	4.53
4.	Saya mula mempelajari bacaan surah al-Fatihah dengan guru di sekolah.	4.03
5.	Saya mula mempelajari bacaan surah al-Fatihah bertujuan untuk menunaikan solat.	4.17
6.	Saya pernah menghadiri program pemantapan bacaan al-Fatihah.	3.56
7.	Saya masih berminat untuk memperbaiki bacaan al-Fatihah.	4.71
8.	Saya pernah belajar secara bertalaqqi (bersemuka) dengan guru al-Quran.	4.32
Purata Keseluruhan		4.25

Berdasarkan jadual 3, hasil purata keseluruhan pada jadual di atas, dapat dilihat purata keseluruhan bagi faktor yang mempengaruhi bacaan responden terhadap surah al-Fatihah adalah 4.25. Ini menunjukkan bahawa responden mempunyai faktor yang baik terhadap surah al-Fatihah memandangkan purata keseluruhan adalah dalam julat 4.00 sehingga 5.00 walaupun ianya menghampiri 4.00. Dapat juga dilihat purata bagi item 6 adalah antara tidak pasti dan setuju iaitu 3.56. Secara keseluruhannya, analisis mendapati bahawa responden mempunyai faktor pengaruh yang baik terhadap surah al-Fatihah.

Oleh itu kertas kerja ini dapat merumuskan bahawa faktor yang mempengaruhi bacaan surah al-Fatihah di kalangan pelajar Pusat Asasi KUIS adalah seperti berikut:

- i. Pembelajaran di rumah bermula seawal usia kanak-kanak daripada ibu bapa memberi kesan sangat baik.
- ii. Pembelajaran bacaan surah al-Fatihah sangat memudahkan pelajar apabila menggunakan kaedah pendengaran berbanding kaedah lain.
- iii. Bertalaqqi (bersemuka) dengan guru juga merupakan kaedah pembelajaran yang sangat berkesan.

5.0 KESIMPULAN

Banyak faktor yang mempengaruhi bacaan surah al-Fatihah kepada para pelajar antaranya pembelajaran dari rumah seawal usia kanak-kanak dan lain-lain. Faktor ini juga boleh diaplikasikan kepada pembelajaran subjek-subjek lain kerana kebiasaannya pembelajaran ketika usia kanak-kanak ini akan cepat diingati kerana ketika ini, jiwa dan otak kanak-kanak sangat cepat dan mudah menerima sebarang maklumat yang disampaikan kepada mereka.

RUJUKAN

- Norizan Yusof & Muhammad Nubli Abd Wahab. 2016. Kesan Terapi Meditasi Surah Al-Fatihah Melalui Ujian Biofeedback Dalam Mengurangkan Tekanan Remaja Bermasalah Di Institut Latihan Teknikal. Proceeding 2nd International Social Development Conference 2016. 666-672.
- Mohd Zaki Ahmad & Muhd Zulkifli Ismail. 2016. Nilai Tauhid Dalam Ruqyah Al-Fatihah: Analisis Pragmatik. Proceeding International Conference on Aqidah, Dakwah & Syariah 2016. 1906-1916.
- Abdul Hakim Abdullah, Ahmad Azrin Adnan, Rohaizan Baru & Ahmad Amirul Ihsan Che Zahari. 2016. Principles of Islamic Management Based On Surah al-Fatihah. *The Social Sciences @ Medwell Journals*. 5467-5476.
- Farah Ihyani Zakaria & Mohd Aderi Che Noh. 2011. Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia: Satu Analisis. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 47-58.